

05 AUG 2001

Sukan-Takraw (Kelantan)

GASTAK SEDIH KEBAKARAN DEWAN MPKB

KOTA BAHARU, 5 Ogos (Bernama) -- Gabungan Sepak Takraw Kelantan (Gastak) sedih dengan kebakaran yang memusnahkan Dewan Majlis Perbandaran Kota Baharu (MPKB) yang sebelum ini menjadi gelanggang utama beberapa kejohanan sukan sepak takraw di peringkat kebangsaan.

Naib Presiden Gastak Tengku Adnan Tengku Burhanuddin berkata berdasarkan kelengkapan yang ada di dewan itu, Kelantan sering dipilih oleh Persatuan Sepak Takraw Malaysia (PSM) untuk menganjurkan beberapa kejohanan dan perlawanan persahabatan.

Jumaat lepas, dewan yang menjadi tempat belangsungnya Jualan Barangan Kilang, hampir musnah dijilat api dalam kejadian pada pukul 8.30 pagi, dipercayai akibat litar pintas.

Dewan berharga RM4 juta itu dengan kapasiti 2,500 penonton, siap dibina pada 1996 dan menjadi tempat perasmian Minggu Amanah Saham Malaysia peringkat kebangsaan yang dirasmikan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, April lepas.

Sebelum ini, dewan itu menjadi tuan rumah Kejohanan Piala Emas Khir Johari dan Kejohanan Perilly's Sepak Takraw Kebangsaan Terbuka Kelantan.

Dalam tempoh tiga bulan lepas, ia juga dijadikan tempat perlawanan persahabatan antara Kelantan dengan pemain Sukan SEA Singapura dan perlawanan ujian antara pemain utama pasukan kebangsaan dengan pilihan Grand Prix.

Tengku Adnan yang dihubungi Bernama berkata jika dewan berkenaan tidak dapat digunakan dalam tempoh tertentu, Gastak akan menggunakan Stadium Chung Hwa di sini sebagai venue beberapa aktiviti sukan itu.

Dalam perkembangan lain, beliau berharap semua pihak akur dengan keputusan Kementerian Belia dan Sukan yang hanya membenarkan penggunaan bola jenama Marathon pada Sukan SEA nanti.

"Walaupun kecewa dengan keputusan itu, tetapi kita berharap ia tidak mematahkan semangat pasukan negara dan rakyat terhadap sukan tradisi ini di Sukan SEA nanti," katanya.

-- BERNAMA

ZI RAR LAT